

[UPE(S)11/137/100/4]

TINDAKAN SERTA MERTA

Ketua-ketua Setiausaha, Kementerian-kementerian Persekutuan,
Ketua-ketua Pengarah, Jabatan-jabatan Persekutuan,
Pengerusi/Pengurus Besar/Ketua Pengarah, Badan-badan Berkanun Persekutuan,
Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,
Pengurus Besar Agensi Perusahaan Awam Bukan Kewangan.



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA

PEKELILING AM BIL. 5 TAHUN 1999

PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN, 2001-2005

Tujuan

Pekeling ini menetapkan garis panduan mengenai penyediaan Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe8), 2001-2005. Tujuannya diedarkan adalah untuk mendapatkan cadangan program dan projek RMKe8 daripada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/ Kerajaan Negeri dan Agensi Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK). Pekeling ini adalah juga untuk mendapatkan laporan mengenai prestasi pelaksanaan program bagi Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe7) sebagai input kepada perancangan program pembangunan sektor awam untuk tempoh RMKe8.

Dasar dan Strategi RMKe8

2. Dasar dan strategi RMKe8 akan berteraskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang memberi penekanan kepada pembangunan berkualiti ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Ini melibatkan pengenalan strategi khusus untuk menangani sembilan cabaran utama Wawasan 2020 iaitu pengujudan negara Malaysia yang bersatu dengan mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama; masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju serta yakin terhadap diri sendiri; masyarakat demokratik yang matang; masyarakat yang bermoral dan beretika; masyarakat liberal dan bertolak ansur; masyarakat saintifik, progresif dan berinovatif serta berpandangan jauh ke hadapan; masyarakat penyayang; masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi; dan masyarakat makmur dengan ekonomi berdaya saing, dinamik dan kukuh.

3. Strategi ekonomi negara bagi tempoh RMKe8 akan tertumpu kepada usaha meningkatkan daya tahan dan daya saing ekonomi demi memastikan pertumbuhan ekonomi yang pesat serta mapan. Sehubungan dengan itu, asas ekonomi akan diperkuatkan dengan penggunaan sumber secara efisien manakala pertumbuhan ekonomi akan menekankan kepada peningkatan produktiviti dan ekonomi berdasarkan pengetahuan atau *k-economy*. Sektor swasta akan terus menjadi tunjang pembangunan negara manakala sektor awam akan menyediakan kemudahan yang diperlukan bagi membantu kejayaan sektor swasta. Sektor awam juga akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat serta menentukan pencapaian objektif sosial seperti yang tertera dalam Wawasan 2020 terutamanya dalam aspek pembasmian kemiskinan, pengagihan pertumbuhan ekonomi dengan saksama serta penubuhan masyarakat Malaysia yang bermoral dan memiliki kerohanian yang tinggi.

Perspektif Ekonomi Makro

4. Dalam tempoh RMKe8, teras dasar ekonomi makro adalah pertumbuhan yang pesat serta mapan dengan paras harga yang rendah dan stabil serta akaun luar negara yang seimbang. Struktur ekonomi negara akan terus berubah menjadi ekonomi berdasarkan sektor pembuatan berteknologi tinggi dan perkhidmatan. Ekonomi dunia yang dijangka bertambah baik akan memberi kesan positif kepada ekonomi negara serta juga menimbulkan banyak cabaran berikutan penerusan proses liberalisasi. Perbelanjaan swasta, terutamanya perbelanjaan pelaburan, termasuk pelaburan asing, akan terus menjadi penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi. Pelaburan swasta akan digalak untuk menumpukan kepada aktiviti-aktiviti yang produktif dan akan mengutamakan penggunaan modal secara efisyen. Dalam hubungan ini, tahap kepakaran, profesionalisme serta pengendalian korporat hendaklah dipertingkatkan dan penggunaan teknologi maklumat (*IT*) diperluaskan. Pelaburan awam akan ditumpukan kepada pembangunan infrastruktur sosial dan fizikal, sains dan teknologi (*S&T*), penyelidikan dan pembangunan (*R&D*), kualiti alam sekitar, merintis bidang-bidang berpotensi untuk pertumbuhan ekonomi serta pembangunan sumber tenaga manusia sejajar dengan keperluan industri dan ekonomi berdasarkan pengetahuan.

5. Peningkatan produktiviti dan *sumber tenaga manusia* yang berkualiti akan merupakan asas bagi meningkatkan daya saing ekonomi terutama bagi persediaan menuju wawasan 2020. Justeru itu, penggubalan program dan projek RMKe8 perlu memberi penekanan kepada meningkatkan bilangan dan kualiti sumber tenaga manusia mahir dan berasaskan pengetahuan. Oleh itu, sistem penyampaian pendidikan dan latihan yang berkesan perlu diberi keutamaan bagi memastikan pembangunan sumber manusia dapat diteruskan dengan sebaik-baiknya bagi menyediakan keperluan tenaga manusia yang mencukupi.

6. Matlamat dan strategi asas dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) akan terus menjadi teras utama pembangunan sosio-ekonomi negara. Dalam hal ini, pelaksanaan dasar dan strategi *penyusunan semula masyarakat dan pengurangan kemiskinan*, akan dipertingkatkan ke arah pencapaian matlamat yang telah digariskan. Usaha akan terus ditumpukan kepada peningkatan bilangan dan peratusan Bumiputera dalam bidang profesional dan pengurusan khususnya dalam sektor ekonomi moden di samping meningkat dan memperkuuhkan pemilikan dan penguasaan Bumiputera dalam sektor korporat. Kerajaan akan terus memainkan peranan penting dalam melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera yang mapan, berdikari serta bertaraf dunia (*world class*) yang mampu bersaing dengan berkesan dalam era globalisasi dan liberalisasi.

7. Usaha juga akan dipertingkatkan lagi bagi mengurangkan ketidaksamaan pendapatan di kalangan rakyat dengan mewujudkan golongan berpendapatan pertengahan yang lebih besar dan makmur di samping menyediakan peluang dan sokongan yang perlu kepada golongan miskin dan kumpulan berpendapatan rendah. Program pendidikan dan latihan yang berkualiti akan diteruskan sebagai satu strategi jangka panjang bagi meningkatkan prospek pekerjaan mereka.

8. Dari segi *pembangunan wilayah*, pembangunan di negeri-negeri kurang maju perlu ditekankan bagi mengurangkan ketidakseimbangan dalam pembangunan ekonomi dan sosial di antara negeri serta di antara bandar dan luar bandar. Sehubungan dengan itu, perancangan projek perlu mengambil kira impak lokasi yang mempengaruhi keseimbangan sosio-ekonomi negeri-negeri. Keseimbangan pembangunan ekonomi juga hendaklah dilihat dari segi kemapanan di mana kepentingan alam sekitar dan penggunaan sumber yang optimum hendaklah diambil kira supaya kekayaan negara bukan sahaja boleh dinikmati oleh generasi sekarang tapi juga oleh generasi akan datang. Bagi mengukur kemapanan, beberapa petunjuk pembangunan perlu diwujud dan diperkemaskan bagi memudahkan tugas pemantauan pelaksanaan program/projek.

Pembangunan Sektoral

9. Teras utama *sektor perindustrian* adalah untuk mempercepatkan pertumbuhan dan meningkatkan eksport khususnya dari segi menggiatkan usaha menarik pelaburan langsung asing (*FDI*) dan meningkatkan produktiviti serta daya saing. Anjakan strategik ke arah industri berteknologi tinggi dan berdasarkan pengetahuan akan terus dipromosikan selaras dengan matlamat Pelan Induk Perindustrian (*IMP2*). Tumpuan khusus akan diberi kepada punca-punca pertumbuhan baru terutamanya penggalakan industri berdasarkan sumber dengan penekanan kepada pengeluaran produk bernilai tinggi. Aktiviti dan program pelaburan untuk meningkatkan pengeluaran tempatan bagi barang modal dan perantaraan akan dipromosi bagi mengurangkan penggunaan alat dan komponen import dalam pengeluaran. Kerajaan akan memastikan persekitaran mesra perniagaan yang akan menggalakkan sektor swasta menjalankan aktiviti *R&D*, perolehan teknologi dan lain-lain aktiviti pembuatan. Di samping itu, usaha akan diteruskan dari segi penyediaan sumber tenaga manusia dan kemudahan infrastruktur yang mencukupi serta sokongan berterusan bagi pembangunan Industri Kecil dan Sederhana.

10. *Sektor perkhidmatan* akan dimajukan sebagai satu industri penting bagi menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi di samping mengurangkan defisit akaun perkhidmatan di dalamimbangan pembayaran. Tahap daya saing sektor ini akan dipertingkatkan supaya lebih banyak jenis perkhidmatan dapat dieksport di samping memenuhi keperluan pasaran tempatan. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi bagi memajukan lagi sektor kecil seperti kewangan, bank dan insurans, pengangkutan udara, perkapalan, perkhidmatan pelabuhan, pendidikan, pelancongan serta perkhidmatan perantaraan seperti *IT*, perkhidmatan perniagaan dan profesional.

11. *Sektor pertanian* akan terus diperkuuh bagi memastikan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi dan pertukaran asing dicapai selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3). Sehubungan ini, usaha akan dipergiat lagi bagi meningkatkan kemampuan sektor ini menampung sebahagian besar keperluan makanan negara. Strategi dan program pembangunan pertanian akan ditumpukan kepada mengenalpasti potensi dan sumber yang terdapat untuk dimajukan bagi menyumbang kepada pembangunan sektor ini khususnya penglibatan sektor dalam pertanian berskala besar.

12. Pembangunan *infrastruktur* dan *utiliti* akan menumpukan kepada usaha untuk mempertingkatkan tahap kecekapan, keupayaan, keselesaan serta keselamatan sistem pengangkutan, perhubungan dan kemudahan awam. Ke arah mencapai matlamat ini, penggunaan rekabentuk infrastruktur yang mesra alam dengan ciri-ciri *IT* akan diterapkan secara meluas untuk menyokong sistem dan rangkaian infrastruktur yang bersepadu dan pengurusan yang berkualiti. Usaha akan dipergiatkan untuk memberi keutamaan kepada penggunaan pengangkutan awam di kawasan bandar, manakala di kawasan luar bandar penekanan akan diberi kepada peningkatan keupayaan pengangkutan yang dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan wilayah yang seimbang.

13. Pembangunan *perkhidmatan sosial* hendaklah diberi keutamaan melalui sistem penyampaian yang lebih berkesan bagi meningkatkan kualiti dan bilangan penerima faedah. Oleh itu, liputan kemudahan pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan serta perkhidmatan sosial yang lain perlu diperluaskan. Bagi mencapai objektif ini dan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap perkhidmatan yang lebih luas dan bermutu, perkongsian tanggungjawab dengan pihak swasta hendaklah dipertingkatkan dan diberi keutamaan. Peranan Kerajaan dari segi kawalan perlu diperkuuh dan diteruskan bagi menjamin keberkesanannya dan kualiti.

14. *Dasar penswastaan* Kerajaan akan terus dipertingkatkan bagi menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi. Bagi mempercepat dan memperluaskan pelaksanaan, Kementerian/Agensi hendaklah mengenalpasti serta mencadangkan projek-projek yang sesuai untuk diswastakan, di samping memberi galakan kepada sektor swasta untuk membuat inisiatif baru bagi mencadangkan mana-mana projek atau aktiviti Kementerian/Agensi yang sesuai untuk diswastakan. Kerjasama dan sokongan dari semua Kementerian/Agensi adalah penting bagi mencapai objektif dasar penswastaan secara amnya. Sehubungan itu juga, Kementerian/Agensi perlu memperbaiki rangka kerja badan kawalselia masing-masing untuk memastikan aktiviti atau entiti yang diswastakan dapat dikawalselia dengan berkesan.

15. Peranan *S&T* dan *IT* sebagai satu alat pembangunan yang penting akan terus diberi penekanan selaras dengan perubahan struktur ke arah ekonomi berteknologi tinggi dan berdasarkan pengetahuan. Antara lain, pengenalan teknologi baru dan inovasi dalam teknologi sedia ada serta penggunaan *IT* akan meningkatkan sumbangan produktiviti faktor keseluruhan (*TFP*) untuk pembangunan ekonomi yang mapan. Sehubungan dengan ini, pelaburan awam akan ditumpukan untuk meningkatkan keperluan infrastruktur dan sumber tenaga manusia untuk pembangunan *S&T*, *IT* serta *R&D*. Selain daripada menggalakkan penggunaan *IT* dalam pelbagai sektor ekonomi, Kerajaan akan terus memastikan persekitaran yang kondusif untuk pembangunan *IT* dan multimedia oleh sektor swasta.

Panduan Menyediakan Laporan RMKe8

16. Penyediaan RMKe8 akan dibuat dalam dua kategori seperti berikut:

- (a) Program dan projek RMKe7 dan sambungan ke RMKe8; dan
- (b) Program dan projek baru RMKe8.

(a) Program dan Projek RMKe7 dan Sambungan Ke RMKe8

17. Dalam penyediaan laporan kategori pertama ini, ianya akan meliputi laporan penilaian serta maklumat mengenai prestasi kewangan dan pencapaian fizikal bagi setiap projek. Maklumat yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam *disket komputer* dengan menggunakan *Borang 1*. Jadual Pelaksanaan Projek yang

di sedia berdasarkan *Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil.5 Tahun 1991 (Sistem Penjadualan Yang Bersepadu (SIAP))* hendaklah dikemukakan bersama-sama permohonan projek sambungan.

18. Satu penilaian menyeluruh pencapaian fizikal dan kewangan hendaklah disediakan oleh Kementerian/Agenzia termasuk penyesuaian yang telah dilaksanakan, masalah pelaksanaan yang berkaitan dengannya dan cara mengatasinya. Di samping itu, perlu dijelaskan cara pelaksanaan dalam tempoh RMKe8 dan usaha untuk mengatasi kelembapan yang dialami dalam tempoh RMKe7, jika ada. Satu laporan yang berasingan hendaklah disediakan bagi maksud ini dengan menggunakan format seperti di *Lampiran A*.

19. Berdasarkan *Dokumen Kenyataan Dasar RRJP2 dan RMKe7 (Pelaksanaan Dasar dan Program)*, setiap Kementerian/Agenzia dikehendaki mengemukakan laporan mengenai pencapaian matlamat dasar dan program setakat ini. Ianya hendaklah disediakan dalam satu laporan yang berasingan dengan menggunakan format seperti di *Lampiran B*.

(b) Program dan Projek Baru RMKe8

20. Bagi program dan projek baru RMKe8, penyediaannya hendaklah diasaskan kepada *Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1992 - Garis Panduan Perancangan Dan Penyediaan Projek Pembangunan* dan selaras dengan *Jadual Pertama Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966*. Bagi cadangan yang melibatkan pembiayaan melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, khasnya bagi Badan-badan Berkanun, ianya hendaklah mengambil kira dasar/panduan yang telah ditetapkan oleh Perbadanan. Dalam membuat anggaran kos projek, perkiraan hendaklah diambil ke atas apa-apa kos sampingan yang dijangkakan. Setiap cadangan program/projek baru dikehendaki mengisi *Borang 2* (borang permohonan program/projek baru) dan disertakan dengan satu *Project Brief* yang berasingan mengikut format seperti di *Lampiran C*.

Penggunaan Wang Rezab

21. Beberapa Badan-badan Berkanun telah dikenalpasti mempunyai lebihan yang besar dalam kumpulan wang rezab mereka. Bagi tempoh RMKe8, Badan-badan Berkanun dicadang membayai sebanyak mungkin yang boleh projek pembangunan masing-masing dengan menggunakan wang rezab mereka.

Program/Projek Yang Tidak Dibiayai Oleh Kerajaan Persekutuan

22. Badan-badan Berkanun Persekutuan, Penguasa Tempatan, Kerajaan Negeri termasuk agensi di bawah Kerajaan Negeri dan agensi-agensi PABK dikehendaki memberi maklumat mengenai program/projek yang dilaksanakan dalam tempoh RMKe7 dan program/projek yang akan dilaksanakan dalam tempoh RMKe8 dengan mengisi *disket komputer* dengan menggunakan *Borang 3*.

Program/Projek Penyelidikan dan Pembangunan di bawah Kerjasama Antarabangsa

23. Semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kerajaan Negeri dan PABK yang mempunyai program/projek/aktiviti kerjasama antarabangsa dengan negara lain atau pertubuhan/agensi/institusi luar negeri/institusi antarabangsa dikehendaki mengemukakan maklumat dalam *Borang 4*. Maklumat ini perlu bagi mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai penglibatan Malaysia dalam program/projek/aktiviti kerjasama antarabangsa dalam RMKe7 dan cadangan RMKe8.

Proses Menyediakan Laporan RMKe8

24. Proses untuk menyediakan laporan RMKe8 adalah seperti berikut:

- (a) Jabatan/Badan Berkanun di bawah Kementerian Persekutuan di peringkat negeri hendaklah berunding terlebih dahulu dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi menyelaraskan keperluan program dan projek pembangunan sebelum mengemukakan cadangan program dan projek baru kepada Ibu Pejabat di peringkat Persekutuan;
- (b) Semua maklumat mengenai projek Kerajaan Negeri dan agensi di bawah Kerajaan Negeri hendaklah diselaraskan oleh UPEN. Pihak UPEN hendaklah menilai, mengkaji dan memperakukur sebelum dikemukakan kepada Agensi Pusat. Di samping itu, satu laporan yang telah diselaras dan disatukan dengan merangkumi laporan bagi semua agensi di bawah negeri masing-masing hendaklah dikemukakan mengikut format seperti di *Lampliran D*;
- (c) Jabatan/Badan Berkanun di peringkat Persekutuan hendaklah mengemukakan laporan kepada Kementerian masing-masing untuk disemak, dikaji, diperaku dan disatukan terlebih dahulu;

- (d) Agensi-agensi PABK dikehendaki menghantar *disket komputer* yang mengandungi maklumat yang dikehendaki dengan menggunakan *Borang 3* terus kepada Unit Perancang Ekonomi;
- (e) Setiap Kementerian Persekutuan hendaklah mengemukakan satu laporan yang telah diselaras dan disatukan dengan merangkumi laporan bagi semua agensi di bawah portfolio masing-masing, berserta *disket komputer* berkenaan yang telah disemak, ditapis, diperaku dan disatukan. Ini bermakna Kementerian hendaklah terlebih dahulu mengadakan pemeriksaan belanjawan ke atas agensi masing-masing bagi menentukan keperluan dan keutamaan program dan projek; dan
- (f) Laporan dan maklumat yang lengkap hendaklah dikelaskan "SULIT" dan dikemukakan kepada Agensi-agensi Pusat seperti berikut:

Unit Perancang Ekonomi (UPE)	- 4 salinan
Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (UPP)	- 2 salinan
Perbendaharaan	- 2 salinan
Jabatan Perkhidmatan Awam	- 2 salinan

Surat Menyurat Dan Pertanyaan

25. Semua surat menyurat mengenai Pekeliling ini hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Blok B 6, Precinct 9
62502 PUTRAJAYA.
(U.P: Pengarah Belanjawan)

Tarikh Untuk Mengemukakan Laporan

26. Tarikh untuk mengemukakan laporan adalah seperti berikut:

- a) Maklumat bagi program/projek RMKe7 dan sambungan ke RMKe8 yang menggunakan *Borang 1* hendaklah dikemukakan pada *28 Februari 2000*;
- b) Lain-lain maklumat yang menggunakan *Borang 2*, *Borang 3* dan *Borang 4* hendaklah dikemukakan pada *31 Mac 2000*.

Pegawai Perhubungan

27. Setiap Kementerian, UPEN dan Jabatan Pembangunan Persekutuan hendaklah melantik seorang pegawai kanan masing-masing yang akan bertanggungjawab untuk berhubung dengan UPE bagi menyelaraskan kerja-kerja penyediaan RMKe8. Nama pegawai tersebut hendaklah disampaikan kepada UPE dalam tempoh satu bulan dari tarikh Pekeliling ini.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "


(TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI)
Ketua Setiausaha Negara
selaku Pengurusi Jawatankuasa
Perancang Pembangunan Negara

JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA

16 November 1999

BORANG 1
PROGRAM/PROJEK RMKe7 DAN SAMBUNGAN

1	KEMENTERIAN						
2	AGENSI						
3	AGENSI PELAKSANA						
4	MAKSUD PEMBANGUNAN						
5	BUTIRAN						
6	SIRI						
7	NAMA PROGRAM/PROJEK						
8	SEKTOR						
9	NEGERI						
10	SASARAN PROJEK ADALAH UNTUK PEMBANGUNAN KAWASAN/PENDUDUK LUAR BANDAR	Ya:	Tidak:				
11	INDIKATOR PROJEK						
	(a) Program Mengurangkan Kemiskinan	Ya: _____ Tidak: _____					
	Sekiranya 'Ya', nyatakan peratusan peruntukan untuk program berikut:						
	(i) Penambahan Pendapatan						
	(ii) Kemudahan Asas						
	(iii) Pembangunan Manusia						
	(iv) Lain-lain						
	(b) Program Penyusunan Semula Masyarakat						
	(i) Pembangunan Usahawan Bumiputera	Ya:	Tidak:				
	(ii) Pendidikan dan Latihan Bumiputera	Ya:	Tidak:				
	(iii) Lain-lain	Ya:	Tidak:				
	(c) Program Alam Sekitar	Ya:	Tidak:				
	(d) Projek KESBAN	Ya:	Tidak:				
	(e) Projek IT	Ya:	Tidak:				
12	PIHAK BERKUASA TEMPATAN						
13	KOS PROJEK (RM)						
14	PERUNTUKAN RMKe7 (RM)						
		TAHUN					
		1996	1997	1998	1999	2000	JUMLAH (Anggaran)
15	PERBELANJAAN RMKe7 (RM)	_____	_____	_____	_____	_____	_____
16	KEPERLUAN PERUNTUKAN RMKe8 (RM)						

17 PECAHAN PERBELANJAAN PROGRAM/PROJEK
DALAM RMKe7

		TAHUN	1996	1997	1998	1999	2000	JUMLAH
							(Anggaran)	
(a)	Tanah	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(b)	Penyiasatan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(c)	Kerja Ukur	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(d)	Penempatan Semula Setinggan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(e)	Bangunan Untuk Kediaman	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(f)	Bangunan Bukan Untuk Kediaman	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(g)	Lain-lain binaan (spt jaluraya)	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(h)	Alat-alat Jemera Dan Kelengkapan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(i)	Perabot & Lain Pemasangan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(j)	Pemasangan Dan Kelengkapan IT	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(k)	Perladangan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(l)	Perternakan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(m)	Bayaran Pakar Runding							
(i)	Tempatan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(ii)	Asing	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(n)	Bayaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan & kemudahan awam	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(o)	Lain-lain	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____

18 PECAHAN JUMLAH KOS PROGRAM/PROJEK MENGIKUT
JENIS PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DALAM RMKe8
(ANGGARAN)

		TAHUN	2001	2002	2003	2004	2005	JUMLAH
(a)	Tanah	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(b)	Penyiasatan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(c)	Kerja Ukur	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(d)	Penempatan Semula Setinggan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(e)	Bangunan Untuk Kediaman	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(f)	Bangunan Bukan Untuk Kediaman	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____

(g) Lain-lain binaan (spt. jalurannya)	RM	_____					
(h) Alat-alat Jentara Dan Kelengkapan	RM	_____					
(i) Perabot & Lain Pemasangan	RM	_____					
(j) Pemasangan Dan Kelengkapan IT	RM	_____					
(k) Perladangan	RM	_____					
(l) Penternakan	RM	_____					
(m) Bayaran Pakar Runding							
(i) Tempatan	RM	_____					
(ii) Asing	RM	_____					
(n) Bayaran kepada Pihak Berkusa Tempatan & kemudahan awam	RM	_____					
(o) Lain-lain	RM	_____					
19 PERATUSAN JUMLAH KOS PROGRAM/ PROJEK MENGIKUT KOS TEMPATAN DAN KOS ASING SEMASA RMKe7							
		TAHUN					
		1996	1997	1998	1999	2000	JUMLAH
Kos Asing :	%	_____	_____	_____	_____	_____	_____
Kos Tempatan :	%	_____	_____	_____	_____	_____	_____
20 PERATUSAN JUMLAH KOS PROGRAM/ PROJEK MENGIKUT KOS TEMPATAN DAN KOS ASING DALAM RMKe8.							
		TAHUN					
		2001	2002	2003	2004	2005	JUMLAH
Kos Asing :	%	_____	_____	_____	_____	_____	_____
Kos Tempatan :	%	_____	_____	_____	_____	_____	_____
21 PENGUNAAN BAHAN-BAHAN PEMBINAAN DALAM TEMPOH RMKe7 DAN RMKe8.							
	NAMA BAHAN:	_____					
Jumlah kuantiti digunakan							
		TAHUN					
		1996	1997	1998	1999	2000	JUMLAH
(i) Tempatan		_____	_____	_____	_____	_____	_____
(ii) Asing		_____	_____	_____	_____	_____	_____
Kos seunit (RM)							
(i) Tempatan		_____	_____	_____	_____	_____	_____
(ii) Asing		_____	_____	_____	_____	_____	_____

	TAHUN					JUMLAH
	2001	2002	2003	2004	2005	
Jumlah kuantiti digunakan						
(i) Tempatan	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(ii) Asing	_____	_____	_____	_____	_____	_____
Kos seunit (RM)						
(i) Tempatan	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(ii) Asing	_____	_____	_____	_____	_____	_____
22 JUMLAH PERUNTUKAN RMKe8 YANG DIPOHON DARI SUMBER KERAJAAN PERSEKUTUAN	RM	_____				
23 JUMLAH PERUNTUKAN YANG DIPOHON DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2001	RM	_____				
24 PECAHAN SUMBER PEMBIAYAAN RMKe8 BAGI PROGRAM/PROJEK (DI MANA BERKENAAN)						
	TAHUN					JUMLAH
	2001	2002	2003	2004	2005	
(a) Sumber Persekutuan						
(i) Cara Langsung	RM	_____	_____	_____	_____	_____
(ii) Pinjaman	RM	_____	_____	_____	_____	_____
(b) Sumber Negeri						
(i) Cara Langsung	RM	_____	_____	_____	_____	_____
(ii) Pinjaman	RM	_____	_____	_____	_____	_____
(c) Sumber Lain						
(i) Pinjaman Dalam Negeri	RM	_____	_____	_____	_____	_____
(ii) Pinjaman Luar Negeri	RM	_____	_____	_____	_____	_____
(iii) Sumber Sendiri/ Wang Rezab	RM	_____	_____	_____	_____	_____
(iv) Sumber Lain	RM	_____	_____	_____	_____	_____
25 PENCAPAIAN FIZIKAL (DI MANA BERKENAAN) BAGI PROGRAM/PROJEK YANG TIDAK DISAMBUNG KE RMKe8						
	TAHUN					JUMLAH
	1996	1997	1998	1999	2000	
(a) Peratus	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(b) Hektar	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(c) Bilangan	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(d) Kilometer	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(e) Kerja-kerja pembinaan/ pemasangan (%)	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(f) Perolehan (%)	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(g) Lain-lain	_____	_____	_____	_____	_____	_____

26 MATLAMAT FIZIKAL (DI MANA BERKENAAN) BAGI PROGRAM/PROJEK
YANG DISAMBUNG KE RMKe8

	TAHUN					
	2001	2002	2003	2004	2005	JUMLAH
(a) Peratus	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(b) Hektar	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(c) Bilangan	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(d) Kilometer	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(e) Kerja-kerja pembinaan/ pemasangan (%)	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(f) Perolehan (%)	_____	_____	_____	_____	_____	_____
(g) Lain-lain	_____	_____	_____	_____	_____	_____

Nama Pegawai Pelapor : _____
 Jawatan : _____
 Kementerian/Agensi : _____
 Alamat : _____
 No. Telefon : _____
 No. Fax : _____
 E-mail : _____

PANDUAN MENGISI BORANG 1

Maklumat mengenai peruntukan/perbelanjaan adalah dalam Ringgit yang terdekat.

Maklumat yang tersedia di butiran 1 hingga butiran 9 serta butiran 13 dan butiran 14 hendaklah dikekalkan.

Butiran 11: Hanya program/projek yang terlibat secara langsung dengan program berkennaan sahaja yang perlu menanda ruangan 'Ya'.

Butiran 15: Nyatakan perbelanjaan sebenar bagi tahun 1996-1999 dan anggaran perbelanjaan tahun 2000. Maksud **Perbelanjaan Sebenar** ialah apabila cek telah dikeluarkan untuk pembayaran kepada pemborong/pembekal/penjual oleh Akauntan Negara/Kementerian/Badan Berkanun/Penguasa Tempatan/PABK. Perbelanjaan ini tidak termasuk pengeluaran cek oleh Kementerian kepada Badan-badan Berkanun.

Butiran 16: Peruntukan yang diperlukan bagi menyiapkan projek termasuk untuk pembelian perabot, kelengkapan, bayaran premium tanah, bayaran balik wang tahanan dan sebagainya.

Butiran 17 dan 18: Lain-lain binaan ialah kos penyambungan berbagai-bagai kemudahan infrastruktur di luar kawasan projek seperti jalan masuk ke kawasan projek, penyambungan parit dari kawasan projek ke parit besar di luar kawasan projek, pembetungan, jambatan dan lain-lain binaan di luar kawasan projek. Sementara lain-lain pemasangan ialah pemasangan dan penyambungan talian telefon, bekalan air dan bekalan elektrik di dalam kawasan projek dan di luar kawasan projek.

Butiran 19 dan 20: Kos asing ialah kos bagi barang atau perkhidmatan dari luar negeri, manakala kos tempatan ialah kos bagi barang atau perkhidmatan dalam negeri. Jumlah bagi kedua-dua kos ini hendaklah sama dengan jumlah kos projek.

Butiran 25 dan 26: Gunakan unit yang sesuai seperti kilometer, hektar dan lain-lain bagi menyatakan pencapaian yang diharapkan. Isikan maklumat di mana berkennaan.

BORANG 2

PROGRAM/PROJEK BARU

1	KEMENTERIAN	_____
2	AGENSI	_____
3	AGENSI PELAKSANA	_____
4	MAKSUD PEMBANGUNAN	_____
5	BUTIRAN	_____
6	NAMA PROGRAM/PROJEK	_____
7	SKOP PROGRAM/PROJEK	_____
8	SEKTOR	_____
9	JENIS PROGRAM/PROJEK	_____
10	OBJEKTIF PROGRAM/PROJEK	_____
11	KEUTAMAAN PROGRAM/PROJEK	_____
12	TEMPAT PROGRAM/PROJEK	(a) Negeri: _____ (b) Daerah: _____
13	SASARAN PROJEK ADALAH UNTUK PEMBANGUNAN KAWASAN/PENDUDUK LUAR BANDAR	Ya : _____ Tidak : _____
14	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	_____
15	KAWASAN PARLIMEN	_____
16	KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI	_____
17	KAWASAN PROGRAM/PROJEK	(a) Bandar: _____ (b) Luar Bandar: _____ (c) Kedua-dua: _____
18	INDIKATOR PROJEK	
	(a) Program Mengurangkan Kemiskinan	Ya : _____ Tidak : _____
	Sekiranya 'Ya', nyatakan peratusan peruntukan untuk program berikut:	
	(i) Penambahan Pendapatan	_____
	(ii) Kemudahan Asas	_____
	(iii) Pembangunan Manusia	_____
	(iv) Lain-lain	_____
	(b) Program Penyusunan Semula Masyarakat	
	(i) Pembangunan Usahawan Bumiputera	Ya : _____ Tidak : _____
	(ii) Pendidikan dan Latihan Bumiputera	Ya : _____ Tidak : _____
	(iii) Lain-lain	Ya : _____ Tidak : _____
	(c) Program Alam Sekitar	Ya : _____ Tidak : _____
	(d) Projek KESBAN	Ya : _____ Tidak : _____
	(e) Projek IT	Ya : _____ Tidak : _____

19	SAMA ADA PROGRAM/PROJEK AKAN DILAKUKAN MELALUI PENSWASTAAN	Ya : _____ Tidak : _____																																																																																																																																																								
20	SAMA ADA PROGRAM/PROJEK AKAN DILAKUKAN MELALUI DEFERRED PAYMENT	Ya : _____ Tidak : _____																																																																																																																																																								
21	CARA PELAKSANAAN PROGRAM/PROJEK	Tender terbuka _____ Tender terhad _____ Turnkey _____ Rundingan terus _____ Lain-lain _____																																																																																																																																																								
22	TEMPOH PELAKSANAAN PROGRAM/PROJEK	Tahun mula : _____ Tahun siap : _____																																																																																																																																																								
23	PECAHAN JUMLAH KOS PROGRAM/PROJEK MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th style="text-align: center;">TAHUN</th> <th style="text-align: center;">2001</th> <th style="text-align: center;">2002</th> <th style="text-align: center;">2003</th> <th style="text-align: center;">2004</th> <th style="text-align: center;">2005</th> <th style="text-align: center;">JUMLAH</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(a) Tanah</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(b) Penyiasatan</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(c) Kerja Ukur</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(d) Penempatan Semula Setinggan</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(e) Bangunan Untuk Kediaman</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(f) Bangunan Bukan Untuk Kediaman</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(g) Lain-lain binaan (spt. jalanraya)</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(h) Alat-alat Jemera Dan Kelengkapan</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(i) Perabot & Lain-lain Pemasangan</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(j) Pemasangan Dan Kelengkapan IT</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(k) Perladangan</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(l) Penterukan</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(m) Bayaran Pakar Runding</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td> (i) Tempatan</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td> (ii) Asing</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(n) Bayaran kepada Pihak Berkusa Tempatan & kemudahan awam</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(o) Lain-lain</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>24</td> <td>JUMLAH KOS PROGRAM/PROJEK</td> <td style="text-align: right;">RM</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> </tbody> </table>		TAHUN	2001	2002	2003	2004	2005	JUMLAH	(a) Tanah	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	(b) Penyiasatan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	(c) Kerja Ukur	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	(d) Penempatan Semula Setinggan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	(e) Bangunan Untuk Kediaman	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	(f) Bangunan Bukan Untuk Kediaman	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	(g) Lain-lain binaan (spt. jalanraya)	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	(h) Alat-alat Jemera Dan Kelengkapan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	(i) Perabot & Lain-lain Pemasangan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	(j) Pemasangan Dan Kelengkapan IT	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	(k) Perladangan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	(l) Penterukan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	(m) Bayaran Pakar Runding								(i) Tempatan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	(ii) Asing	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	(n) Bayaran kepada Pihak Berkusa Tempatan & kemudahan awam	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	(o) Lain-lain	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____	24	JUMLAH KOS PROGRAM/PROJEK	RM	_____	_____	_____	_____	_____
	TAHUN	2001	2002	2003	2004	2005	JUMLAH																																																																																																																																																			
(a) Tanah	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____																																																																																																																																																			
(b) Penyiasatan	RM	_____	_____	_____	_____	_____	_____																																																																																																																																																			
